

# Chairman's Statement

*Penyata Pengerusi*



**YBhg. Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**

**In the name of Allah, the most Beneficent, the most Merciful.**

## **INTRODUCTION**

**On behalf of the Board of Directors of Bank Pembangunan Malaysia Berhad, it is my great pleasure to present the 37th Annual Report and Audited Financial Statement of Bank Pembangunan and Group for the financial year ended December 31, 2010.**

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani.*

## **PENGENALAN**

*Bagi pihak Lembaga Pengarah Bank Pembangunan, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ke-37 dan Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

### MALAYSIAN ECONOMIC REVIEW FOR 2010

Malaysia's economy outperformed expectations to chalk up a commendable growth of 7.2% in 2010 compared with a contraction of 1.7% in 2009, bolstered by a rebound in manufacturing and services as well as brisk exports and imports. The continued inflow of foreign direct investments, a healthy reserves position maintained by the central bank, a record performing ringgit, as well as high commodity prices boosted growth and aided the rebound.

On the supply side, all economic sectors registered positive growth in 2010. The services sector recorded a higher growth of 6.8%, supported mainly by the continued expansion in domestic economic activity. The sector remained the largest contributor to growth, contributing 3.6 percentage points to the overall GDP growth. The finance and insurance sub-sectors expanded by 6.1% supported mainly by the finance segment due to favourable loan growth during the year.

The construction sector registered a growth of 5.2%, reflecting broad improvement in overall construction activity. The expansion in the non-residential sub-sector was due mainly to the construction of office and retail spaces, with growth in the civil engineering sub-sector supported by further progress in the implementation of infrastructure projects. Meanwhile, the residential sub-sector improved as more new projects were launched during the year.

The domestic banking sector remained resilient, with strong capital buffers, sustained profitability, stable loan quality and ample liquidity. Financial stability was maintained throughout the year, supported by sound financial institutions and orderly financial markets which provided continued support for financial intermediation in the domestic economy. As at end-December 2010, capitalisation was strong with the risk-weighted capital ratio (RWCR) and core capital ratio (CCR) standing at 14.6% and 12.8% respectively.

### TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA 2010

*Ekonomi Malaysia melepasi jangkaan apabila mencatat pertumbuhan yang membanggakan iaitu sebanyak 7.2% berbanding penguncupan 1.7% pada tahun 2009, disokong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan serta aktiviti import dan eksport yang kembali cergas. Aliran masuk pelaburan asing yang berterusan, kedudukan rizab yang kukuh dikekalkan oleh Bank Pusat, rekod kedudukan Ringgit yang baik serta harga komoditi yang tinggi mendorong pertumbuhan dan membantu pembaikan ini.*

*Dari sudut bekalan pula, semua sektor ekonomi merekodkan pertumbuhan positif pada 2010. Sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan lebih tinggi iaitu 6.8% disokong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi domestik. Sektor ini kekal menjadi penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ini, menyumbang 3.6 titik peratusan kepada keseluruhan pertumbuhan GDP. Sub-sektor kewangan dan insurans berkembang 6.1% didorong terutamanya oleh segmen kewangan berikukutan pertumbuhan pinjaman yang baik pada tahun semasa.*

*Sektor pembinaan merekodkan pertumbuhan 5.2%, mencerminkan peningkatan yang luas dalam keseluruhan aktiviti pembinaan. Pengembangan dalam sub sektor bukan kediaman disebabkan oleh pembinaan ruang pejabat dan ruang perniagaan, sementara pertumbuhan dalam sub sektor kejuruteraan awam dibantu oleh kemajuan berterusan dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur. Sementara itu, sub sektor kediaman menunjukkan pembaikan disebabkan lebih banyak projek-projek baru dilancarkan pada tahun semasa*

*Sektor perbankan domestik kekal cergas dengan modal penimbal yang kuat, keuntungan berterusan, kualiti pinjaman yang stabil dan kecairan yang mencukupi. Kestabilan kewangan adalah kekal sepanjang tahun, dibantu oleh institusi kewangan yang kukuh dan pasaran kewangan yang teratur yang menyediakan bantuan berterusan kepada pengantaraan kewangan dalam ekonomi domestik. Setakat akhir Disember 2010, permodalan adalah kukuh dengan nisbah modal berlawanan risiko (RWCR) dan nisbah modal teras (CCR) masing-masing pada 14.6% dan 12.8%.*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

### FINANCIAL PERFORMANCE IN 2010

BPMB Group posted a commendable financial performance in 2010. Profit Before Tax surged 61% to RM549 million, from RM340 million in 2009. Net income rose by RM150 million to RM1.2 billion, attributable to higher asset base and increase in non-interest income, partly from government compensation for loan impairment charges.

#### Bank Pembangunan Malaysia Berhad (the Bank)

The year 2010 proved to be challenging for the Bank with first time implementation of FRS139 on Recognition and Measurement of Financial Instruments. As allowed under FRS139, the Bank recognized additional allowances of RM473 million against the retained earnings as at 1 January 2010, in accordance with the new impairment basis for loans and investment securities.

In addition, a total of RM490 million allowances for impairment was charged to the income statement during the year, compared to RM436 million in 2009, largely arising from the adoption of FRS139. Nevertheless, the Bank managed to record Profit Before Tax of RM503.5 million, representing 31% growth from the previous year. The sterling performance was largely due to higher non-interest income arising from utilization of infrastructure support fund from the government amounting to RM186 million, to partially compensate for the impairment allowances made.

Despite lower shareholders' funds at RM6.9 billion from 2009 position of RM7.1 billion, which was attributable to the adjustment to retained earnings under FRS139, risk-weighted capital ratio strengthened further to 33.1% in 2010 from 31.6% in 2009.

The strong financial performance and improved capital position were the result of improved risk management combined with proactive cost control initiated by the Bank, as gross loans continued to register double digit growth of 12%.

### PRESTASI KEWANGAN PADA 2010

*Kumpulan BPMB mencatatkan prestasi kewangan yang membanggakan pada tahun 2010. Keuntungan sebelum cukai meningkat 61% kepada RM549 juta, daripada RM340 juta pada 2009. Pendapatan bersih meningkat sebanyak RM150 juta kepada RM1.2 bilion, berpunca daripada asas aset yang lebih tinggi dan kenaikan dalam pendapatan bukan faedah, sebahagiannya daripada ganti rugi kerajaan ke atas cagaran-cagaran yang terjejas.*

#### Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank)

*Tahun 2010 terbukti sebagai tahun yang mencabar kepada Bank dengan pelaksanaan FRS 139 pertama kalinya ke atas Pengenalan dan Pengukuran Instrumen Kewangan. Seperti yang dibenarkan di bawah FRS 139, Bank meluluskan peruntukan tambahan RM473 juta terhadap baki keuntungan setakat 1 Januari 2010, sesuai dengan asas penurunan nilai pinjaman yang baru dan sekuriti pelaburan.*

*Sebagai tambahan, sejumlah RM490 juta peruntukan kepada penurunan nilai ini diperuntukan ke dalam penyata pendapatan pada tahun semasa, berbanding RM436 juta pada 2009, sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaksanaan FRS 139. Namun begitu, Bank mampu merekodkan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM503.5 juta, mewakili pertumbuhan 31% daripada tahun sebelumnya. Prestasi cemerlang ini keseluruhannya disebabkan oleh peningkatan pendapatan bukan faedah yang timbul daripada penggunaan dana bantuan infrastruktur daripada Kerajaan berjumlah RM186 juta, bagi mengimbangi sebahagian daripada peruntukan lemah yang telah dibuat.*

*Walaupun dana pemegang saham menurun kepada RM6.9 dari kedudukan RM7.1 bilion pada 2009, yang disebabkan oleh pelarasan perolehan tertahan di bawah FRS 139, nisbah modal berwajaran risiko terus kukuh kepada 33.1% pada 2010 berbanding 31.6% pada 2009.*

*Prestasi kewangan yang kukuh dan kedudukan modal yang bertambah baik adalah hasil daripada penambahbaikan pengurusan risiko ditambah dengan kawalan kos yang proaktif yang diperkenalkan oleh Bank, di mana pinjaman-pinjaman kasar terus mencatatkan pertumbuhan dua digit 12%.*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

The Bank continued to enhance its asset liability management in its effort to better manage its liquidity, given the profile of its assets in the longer tenures, with long gestation period. As part of its funding strategy, the Bank had issued Medium Term Notes (MTN) worth RM2.5 billion during the year, inclusive of RM500 million Islamic MTN, which was over-subscribed by more than two times. The Bank had also drawn down long-term borrowings from Employee Provident Fund (EPF) and renegotiated the terms of existing bilateral loans totalling RM2.0 billion. As a result, average cost of borrowings decreased further to 3.6% in 2010 from 3.75% in 2009.

### Global Maritime Venture Berhad (GMVB)

GMVB's Group financial performance during the financial year ended 31 December 2010 continued to be affected by the volatility of the maritime industry. The Group recorded total revenue of RM154 million and Profit Before Tax of RM28 million, a decrease of 26% and 52% respectively compared to the previous year. The decline in financial performance was mainly due to lower operating revenue and lower share of profits from jointly controlled entities, arising from subdued charter hire and freight rates.

### Pembangunan Leasing Corporation Sdn Bhd (PLC)

For the financial year ended 31 December 2010, PLC Group recorded a turnaround in financial performance to record Profit Before Tax of RM43.8 million, from RM57.2 million losses in the previous year. This was achieved on the back of higher interest income, coupled with higher write-back from the loan losses and provisions. As a result, shareholders' funds increased by 17% to RM150.1 million from RM128.1 million as at end 2009.

### OUTLOOK AND PROSPECT FOR 2011

The global economy is expected to be in better shape in 2011 following a mild rebound of the economy of the United States

*Bank terus berusaha meningkatkan pengurusan libiliti asetnya dalam usaha untuk mengurus kecairannya dengan lebih baik, memberi profil aset dalam tempoh yang lebih panjang, dan dengan tempoh tunggu hasil yang panjang. Sebagai sebahagian daripada strategi pendanaan, Bank telah menerbitkan Nota Jangka Sederhana (MTN) bernilai RM2.5 bilion pada tahun semasa, termasuk RM500 juta MTN Islam, yang berlebihan langganan lebih daripada dua kali. Bank juga telah menggunakan pinjaman jangka panjang daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bernilai RM2.0 bilion dan telah melakukan rundingan semula terhadap terma asal pinjaman dua hala tersebut. Hasilnya, kos purata peminjaman telah menurun kepada 3.6% pada 2010 daripada 3.75% pada 2009.*

### Global Maritime Venture Berhad (GMVB)

*Prestasi kewangan Kumpulan GMVB pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 terus menerima kesan akibat industri maritim yang tidak sabil. Kumpulan merekodkan hasil keuntungan berjumlah RM154 juta dan Keuntungan Sebelum Cukai sebanyak RM28 juta, penurunan masing-masing 26% dan 52% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan prestasi kewangan ini terutamanya disebabkan oleh keuntungan yang rendah daripada operasi dan pembahagian keuntungan yang rendah daripada entiti yang dikawal bersama, ekoran daripada kawalan sewa carter dan kadar tambang.*

### Pembangunan Leasing Corporation Sdn Bhd (PLC)

*Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Kumpulan PLC merekodkan prestasi memberangsangkan apabila mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai RM43.8 juta, daripada kerugian RM57.2 juta pada tahun sebelumnya. Lanya melalui pendapatan faedah yang lebih tinggi, ditambah dengan masuk kira semula yang tinggi daripada kerugian-kerugian pinjaman dan peruntukan. Hasilnya, dana pemegang saham telah meningkat 17% kepada RM150.1 juta daripada RM128.1 juta pada akhir 2009.*

### PANDANGAN DAN PROSPEK UNTUK 2011

*Ekonomi global dijangka akan berada pada tahap lebih baik pada 2011 berikutan kebangkitan semula ekonomi Amerika Syarikat*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

and a sharp recovery in Asian economies which brought relief to the business community and policymakers. The Malaysian economy is projected to grow by between 5% and 6% in 2011, spurred by domestic demand as the private sector takes over as the driver of growth. Private investment activity, which turned positive in 2010, is envisaged to contribute significantly to economic growth. The idea of the private sector leading growth stems from the start of 52 private finance initiatives (PFI) over the 10th Malaysia Plan (10MP) period as well as the implementation of private sector projects under the National Key Economic Areas (NKEAs).

The National Budget 2011 has sent positive waves through the infrastructure sector. The government has pledged major infrastructure projects likely to be pushed through the pipeline and enter construction in the second half of 2011. The infrastructure sector would stand to gain from the implementation of high-impact projects worth RM63 billion during the 10MP period. Seven tolled highway projects are to be built during the plan period at an estimated cost of RM19 billion.

The construction sector is expected to expand by 4.4% in 2011 from 5.2% in 2010 and growth in the sector will be supported by ongoing projects such as KLIA 2, the Second Penang Bridge, SKVE Package 3, Sabah-Sarawak gas Pipeline, MRT and the LRT extensions. In addition, growth would be supported by development projects in the five growth corridors. These projects offer opportunities for the Bank to play a major role in spurring the national development agenda.

Malaysia is committed to adopt renewable energy and green technology to become one of the leading green nations in the 21st century. The Bank will continue to promote green technology by allocating RM150 million for approval in 2011 under the Green Technology Financing Scheme (GTFS), largely for environmental conservation projects.

*dan pemulihan pesat ekonomi Asian yang telah memberi kelegaan kepada komuniti perniagaan dan penggubal dasar. Ekonomi Malaysia diramalkan meningkat di antara 5% dan 6% pada 2011, dipacu oleh permintaan domestik di mana sektor swasta mengambil alih sebagai pendorong pertumbuhan. Aktiviti pelaburan swasta, yang ternyata positif pada 2011, dijangka akan menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi. Idea kepada pertumbuhan sektor swasta yang terkemuka bermula daripada 52 inisiatif kewangan swasta (PFI) selama tempoh Rancangan Malaysia ke-10 (10MP) serta pelaksanaan projek-projek sektor swasta di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEAs).*

*Belanjawan Negara 2011 telah memberi gelombang positif kepada sektor infrastruktur. Kerajaan telah menjanjikan projek-projek infrastruktur utama yang akan disalurkan dan memasuki sektor pembinaan pada setengah tahun kedua 2011. Sektor infrastruktur akan memperoleh manfaat daripada pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi bernilai RM63 bilion semasa 10MP. Tujuh lebuh raya bertol akan dibina dalam jangkamasa rancangan tersebut, yang dijangka menelan belanja RM19 bilion.*

*Sektor pembinaan dijangka akan berkembang 4.4% pada 2011 daripada 5.2% pada 2010, dan pertumbuhan dalam sektor ini akan disokong lagi dengan projek-projek yang berterusan seperti KLIA 2, Jambatan Pulau Pinang Kedua, SKVE Pakej 3, Jaluran paip gas Sabah-Sarawak, MRT dan penyambungan LRT. Ditambah lagi, pertumbuhan ini juga dibantu oleh pembangunan projek-projek di lima buah koridor. Projek-projek ini menawarkan peluang kepada Bank untuk menjadi peneraju utama kepada agenda pembangunan Negara.*

*Malaysia komited untuk mengambil/pakai teknologi tenaga yang boleh diperbaharui dan teknoloji hijau untuk menjadi salah satu Negara hijau terkemuka pada abad ke-21. Bank akan terus mempromosi teknologi hijau dengan memperuntukkan RM150 juta untuk diluluskan pada tahun 2011 di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) sebahagian besar daripadanya untuk projek-projek pemuliharaan alam sekitar.*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

Under the Maritime sector, the Bank is targetting to approve and disburse total loans of RM800 million. The financing will focus on vessels that are servicing the offshore oil & gas activities as well as shipyards involved in shipbuilding, ship repairs and offshore oil & gas fabrication.

One of the actions under the Government's Entry Point Projects (EPP) as outlined in the Economic Transformation Programme (ETP) is to encourage DFIs to shift emphasis towards Islamic Finance. In supporting this, the Bank will intensify the marketing of Islamic products while enhancing skills and knowledge in Islamic product structuring, to achieve an Islamic portfolio target of 20% of the total portfolio by 2013, from the current 11%.

### ACKNOWLEDGEMENT

I am privileged to serve on the Board of Directors alongside dedicated and professional members. I wish to thank fellow Board Members for their support, contribution and commitment over the past one year. To Encik Zainul Rahim Mohd Zain, Dato' Dr. Syed Jaafar Syed Aznan, Tan Sri Faizah Mohd Tahir and Datuk Idris bin Abdullah @ Das Murthy who joined the Board this year, I wish them a warm welcome.

I would like to take this opportunity to record my heartfelt appreciation to Tuan Haji Mohd Zarif Mohd Zaman, Dato' Ab. Halim Mohyiddin and Tuan Syed Hussain Syed Hamzah who retired from Bank Pembangunan's Board of Directors during the year. Their wisdom and invaluable contribution and advice throughout their tenure with Bank Pembangunan will continue to be cherished and deeply missed.

On behalf of the Board of Directors, I would like to express our deepest gratitude to the Ministry of Finance, Bank Negara Malaysia, other ministries and regulators, customers, partners

*Di bawah sektor Maritim, Bank mensasarkan untuk melulus dan mengeluarkan pinjaman sebanyak RM800 juta. Pembiayaan akan ditumpukan kepada kapal-kapal yang memberi perkhidmatan kepada kegiatan minyak dan gas luar pesisir pantai serta limbungan kapal yang terlibat dalam pembinaan kapal, baik pulih kapal, dan kerja-kerja fakhrikasi industri minyak dan gas luar pesisir pantai.*

*Salah satu langkah di bawah Entry Point Projects (EPP) Kerajaan, seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah untuk menggalakkan DFIs untuk memindahkan penekanan kepada Pembiayaan Islam. Dalam menyokong langkah ini, Bank akan memperhebatkan pemasaran produk-produk syariah dan dalam masa yang sama meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan dalam struktur produk-produk Islam, untuk mencapai sasaran 20% daripada jumlah keseluruhan portfolio Islam sehingga tahun 2013, dari 11% pada masa sekarang.*

### PENGHARGAAN

*Saya berasa berbesar hati dapat berkhidmat dalam Lembaga Pengarah bersama ahli-ahli yang berdedikasi dan profesional. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah di atas sokongan dan amat menghargai dedikasi mereka, sepanjang setahun yang lalu. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Encik Zainul Rahim Mohd. Zain, Dato' Dr. Syed Syed Jaafar Aznan, Tan Sri Faizah Mohd Tahir dan Datuk Idris Abdullah@Das Murthy yang mula berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah Bank pada tahun ini.*

*Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Tuan Haji Mohd Zarif Mohd Zaman, Dato' Ab. Halim Muhyiddin dan Tuan Syed Hussain Syed Hamzah yang telah bersara daripada Lembaga Pengarah Bank Pembangunan pada tahun ini. Kebijaksanaan serta sumbangan yang tidak ternilai dan khidmat nasihat mereka sepanjang tempoh bersama Bank Pembangunan akan terus dihargai dan akan sangat dirasakan kehilangannya.*

*Bagi pihak Ahli-ahli Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, lain-lain kementerian*

# Chairman's Statement

## Penyata Pengerusi

and other stakeholders for their continuous support and guidance. I also wish to express our sincere appreciation to the Management and staff of Bank Pembangunan Group for their untiring dedication, commitment and loyalty. I have every confidence that together, the Group can achieve even greater success and contribute towards the future of our nation.

Last but not least, on behalf of the Board of Directors, management and staff, I would like to place on record our heartfelt condolences to the wife and family of Allahyarham Kapten A Ghani Ishak on his sudden demise on 21st March 2011 after serving one year on the Board of Bank Pembangunan and GMV. Allahyarham Kapten's selfless dedication and commitment has greatly contributed to the Group, albeit during such a short tenure. May the blessing of Allah be upon him.

DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS  
Chairman

*dan agensi-agensi kerajaan, pelanggan, rakan-rakan kongsi dan lain-lain pihak berkepentingan di atas sokongan dan galakan yang berterusan. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan ikhlas kami kepada pihak Pengurusan dan staf Kumpulan Bank Pembangunan di atas dedikasi, komitmen dan kesetiaan yang tidak kenal lelah. Saya begitu yakin, bahawa dengan kerjasama, kumpulan ini akan mencapai kejayaan yang lebih lagi pada masa hadapan.*

*Akhir sekali, bagi pihak Ahli-ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan staf, saya ingin merakamkan ucapan takziah kami kepada isteri dan keluarga Allahyarham Kapten A. Ghani Ishak di atas pemergian Allahyarham ke Rahmatullah pada 21 Mac 2011, selepas setahun berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah Bank Pembangunan dan GMV. Dedikasi dan komitmen Allahyarham yang berterusan, telah banyak menyumbang kepada Kumpulan, walaupun dalam tempoh yang begitu singkat. Semoga Allah mencucuri Rahmat ke atas rohnyanya.*

DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS  
Pengerusi